

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

HLP 211 - Asas Penulisan Skrip

Tarikh: 6 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan.

1. Di dalam proses penulisan skrip, yang bermula dari idea benih hingga ke versi akhir, beberapa langkah perlu diambilkira. Sekiranya anda seorang penulis skrip, huraikan langkah-langkah tersebut.
2. Menyediakan senario merupakan salah satu kaedah di dalam proses komposisi. Bincangkan ciri-ciri terpenting yang terdapat di dalam senario.
3. Imbangan, gangguan, halangan dan klimaks adalah sebahagian daripada elemen-elemen yang terdapat di dalam struktur atau plot di dalam sesebuah drama. Huraikan elemen-elemen tersebut berdasarkan contoh-contoh drama yang telah anda baca.
4. Berdasarkan drama-drama yang telah anda baca, bincangkan salah SATU(1) daripada perkara berikut:
 - (a) kritikan sosial di dalam drama KOTAKU OH KOTAKU oleh Johan Jaafar.
 - (b) unsur-unsur simbolisme di dalam drama 1400 karya Nordin Hassan.
 - (c) persoalan perjuangan di dalam drama SI BONGKOK TANJUNG PUTERI.
5. Perkara-perkara berikut ada kaitannya dengan penulisan skrip. Pilih EMPAT(4) daripadanya dan jelaskan.
 - (a) 'french scene'
 - (b) krisis
 - (c) peraturan tiga kali
 - (d) konflik
 - (e) adegan
 - (f) katastrofi

.../2

6. Di dalam struktur dialog terdapat 'beat'. Tiga jenis 'beat' asas ialah 'beat' plot, watak dan pemikiran. Berdasarkan kefahaman anda tentang 'beat' huraikan ketiga-tiga jenis 'beat' tersebut.

-ooo000ooo-